



29 Julai 2022  
29 July 2022  
P.U. (A) 252

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN  
(PENANDAAN BARANG-BARANG KAWALAN) 2022

*CONTROL OF SUPPLIES  
(MARKING OF CONTROLLED ARTICLES)  
REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN  
(PENANDAAN BARANG-BARANG KAWALAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6(2)(q) Akta Kawalan Bekalan 1961 [*Akta 122*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Penandaan Barang-Barang Kawalan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022.

**Penandaan pada barang-barang kawalan**

2. (1) Apa-apa barang kawalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama yang dibuat atau dibungkus oleh mana-mana pengilang atau pemborong, hendaklah ditandakan dengan penandaan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama pada kedudukan yang mudah dilihat pada—

(a) apa-apa bungkusan yang mengandungi barang kawalan itu; atau

(b) apa-apa bekas yang di dalamnya, di atasnya atau dengannya barang kawalan itu dibekalkan.

(2) Apa-apa barang kawalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua yang dibuat atau dibungkus oleh mana-mana pengilang atau pemborong hendaklah ditandakan dengan penandaan seperti yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Kedua pada kedudukan yang mudah dilihat pada—

- (a) apa-apa bungkusan yang mengandungi barang kawalan itu; atau
- (b) apa-apa bekas yang di dalamnya, di atasnya atau dengannya barang kawalan itu dibekalkan.

**Permohonan bagi penggunaan penandaan**


3. (1) Mana-mana pengilang atau pemborong yang membuat atau membungkus apa-apa barang kawalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama atau ruang (2) Jadual Kedua hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Pengawal mengikut tatacara sebagaimana yang ditentukan oleh Pengawal untuk menggunakan penandaan dalam ruang (3) Jadual Pertama atau ruang (3) Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada barang kawalan itu.

(2) Mana-mana pengilang atau pemborong hendaklah mematuhi semua arahan dan syarat yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa bagi penggunaan penandaan itu.


**Kesalahan**

4. Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

JADUAL PERTAMA  
[Subperaturan 3(1)]

(1) Bil.	(2) Barang kawalan	(3) Penandaan
1.	500 gram hingga 5 kilogram gula putih kasar bertapis	
2.	500 gram hingga 5 kilogram gula putih halus bertapis	
3.	1 kilogram, 2 kilogram, 3 kilogram, 5 kilogram dan 17 kilogram minyak masak sawit tulen kecuali 1 kilogram minyak masak sawit tulen dalam bungkusan polibeg	
4.	1 kilogram hingga 5 kilogram tepung gandum kecuali 1 kilogram tepung gandum kegunaan am	

JADUAL KEDUA  
[Subperaturan 3(1)]

(1) Bil.	(2) Barang kawalan	(3) Penandaan
1.	1 kilogram minyak masak sawit tulen dalam bungkusan polibeg	
2.	1 kilogram tepung gandum kegunaan am	

Dibuat 29 Julai 2022  
[KPDNKK(R) 600/1/1; PN(PU2)188/Jld. 13]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

CONTROL OF SUPPLIES ACT 1961

CONTROL OF SUPPLIES (MARKING OF CONTROLLED ARTICLES)  
REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 6(2)(q) of the Control of Supplies Act 1961 [Act 122], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Supplies (Marking of Controlled Articles) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2022.

**Marking on controlled articles**

2. (1) Any controlled article as specified in column (2) of the First Schedule which is manufactured or packaged by any manufacturer or wholesaler, shall be marked with the marking as specified in column (3) of the First Schedule in a conspicuous position on—

(a) any packaging containing the controlled article; or

(b) any container in which, on, or with which the controlled article is supplied.

(2) Any controlled article as specified in column (2) of the Second Schedule which is manufactured or packaged by any manufacturer or wholesaler shall be marked with the marking as specified in column (3) of the Second Schedule in a conspicuous position on—

- (a) any packaging containing the controlled article; or
- (b) any container in which, on, or with which the controlled article is supplied.

**Application for use of marking**


3. (1) Any manufacturer or wholesaler who manufactures or supplies any controlled article as specified in column (2) of the First Schedule or column (2) of the Second Schedule shall make an application in writing to the Controller according to the procedure as determined by the Controller to use the marking as specified in column (3) of the First Schedule or column (3) of the Second Schedule, whichever is applicable, on the controlled article.

(2) Any manufacturer or wholesaler shall comply with all the instructions and conditions determined by the Minister from time to time for the use of the marking.

**Offence**


4. Any person who fails to comply with any provision of these Regulations commits an offence.

FIRST SCHEDULE  
[Subregulation 3(1)]

(1) No.	(2) Controlled article	(3) Marking
1.	500 gram to 5 kilogram of refined coarse white sugar	
2.	500 gram to 5 kilogram of refined fine white sugar	
3.	1 kilogram, 2 kilogram, 3 kilogram, 5 kilogram and 17 kilogram of pure palm cooking oil excluding 1 kilogram of pure palm cooking oil in polybag packaging	
4.	1 kilogram to 5 kilogram of wheat flour excluding 1 kilogram of general purpose wheat flour	

## SECOND SCHEDULE

[Subregulation 3(1)]

(1) No.	(2) Controlled article	(3) Marking
1.	1 kilogram of pure palm cooking oil in polybag packaging	
2.	1 kilogram of general purpose wheat flour	

Made 29 July 2022

[KPDNKK(R) 600/1/1; PN(PU2)188/Jld. 13]

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
*Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs*